



**KENYATAAN MEDIA BERSAMA  
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA  
DAN  
SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**MCMC DAN JKDM MENGAMBIL MAKLUM KEPUTUSAN KERAJAAN UNTUK LAKSANA SISTEM GST ATAS PRABAYAR BERASASKAN PENGGUNAAN**

**CYBERJAYA, Jumaat, 15 Mei** --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengambil maklum pengumuman Yang Berhormat Menteri, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek baru-baru ini mengenai keputusan kerajaan yang menetapkan bahawa GST (Cukai Barang dan Perkhidmatan) atas prabayar hanya akan dicaj semasa penggunaan sahaja; sebagai contoh, ketika membuat panggilan, menghantar pesanan ringkas atau melanggan jalur lebar. Ini bermakna kad tambah nilai prabayar telefon dijual pada harga RM10 akan mendapat nilai yang sama apabila diaktifkan

“Pihak MCMC akan bekerjasama dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia untuk memastikan pelaksanaan sistem GST berdasarkan penggunaan berjaya dilaksanakan dalam tempoh enam bulan oleh syarikat telekomunikasi yang terlibat seperti yang diarahkan oleh kerajaan. Selain itu, pengauditan juga akan dilakukan bagi memastikan ketepatan nilai potongan GST berdasarkan nilai kredit yang telah digunakan,” kata Pengurus MCMC, Dato’ Sri Dr. Halim Shafie.

Mengenai saranan Menteri supaya syarikat-syarikat telekomunikasi memperkenalkan diskain untuk kumpulan sasaran tertentu; sebagai contoh, golongan pelajar, perkara ini akan dipantau dari segi pelaksanaannya.

“JKDM akan mempergiat pemantauan ke atas pembangunan proses penukaran GST berdasarkan penggunaan untuk tambah nilai prabayar agar pelaksanaan sistem ini berjalan lancar dan telus bagi mengelak kekeliruan yang akan timbul pada masa hadapan,” kata Ketua Pengarah Kastam, Dato’ Sri Khazali bin Haji Ahmad.

Sementara itu, pengenaan GST atas tambah nilai prabayar akan diteruskan pada kaedah sedia ada sehingga sistem ‘beli RM10 dapat RM10’ dilaksanakan.

[Tamat]



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

MCMC

Tuan Sheikh Raffie Abd Rahman  
Pengarah Kanan, Komunikasi Strategik  
(sheikhraffie@cmc.gov.my)

Cik Rahayu Abdul Aziz  
Timbalan Pengarah, Komunikasi Strategik  
(rahayu.aziz@cmc.gov.my)

JKDM

Puan Norazura Hj Hashim  
Penolong Kanan Pengarah Kastam II  
(norazura.hashim@customs.gov.my)

Puan Amarjit Kaur A/P Maktiar Singh  
Timbalan Pengarah Kastam  
(amarjit.maktiar@customs.gov.my)